

TERMA DAN SYARAT MENGUNDI SECARA PERCUMA

1. Kempen undian ini berlangsung mulai jam 3 petang pada 22 Ogos hingga 30 September 2024
2. Setiap pengundi diwajibkan untuk mendaftar maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon dan e-mel sebelum memulakan undian. Maklumat lanjut mengenai notis Perlindungan Data Peribadi, sila layari www.nstp.com.my/personal-data-protection-notice.
3. Setiap pengundi bagi kategori Ekstra! diwajibkan mendaftar maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon dan e-mel serta perlu melalui proses pengesahan menerusi kod yang dihantar sebelum memulakan undian.
4. Setiap pengundi akan diberi peluang mengundi sebanyak 20 kali bagi setiap kategori yang dipertandingkan.
5. Setelah selesai satu pusingan mengundi, sistem undian akan log keluar secara automatik setiap 10 minit bagi tujuan keselamatan. Pengundi boleh meneruskan undian selepas setiap 10 minit.
6. Kakitangan dan ahli keluarga terdekat kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) dan Media Prima (MPB), syarikat penaja dan penganjur ABPBH 36 tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam undian ini.
7. Tarikh tutup undian pada 30 September, jam 11.59 malam.
8. Pemilihan calon dan keputusan berdasarkan sistem penjurian iaitu 70% undian orang awam dan 30% undian juri.

PENGUNDIAN GANDAAN BAGI PENCALONAN ABPBH 36 DENGAN LANGGANAN AKHBAR BH CETAK DAN DIGITAL

TERMA DAN SYARAT

1. Penganjur:

The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad [4485-H] ["Penganjur"].

2. Promosi:

Pengundian Gandaan Bagi Pencalonan ABPBH 36 Dengan Langganan Akhbar Media Cetak dan Digital BH ["Promosi"].

3. Tempoh Promosi:

Kempen undian ini berlangsung mulai jam 3 petang hari pada 22 Ogos hingga 30 September 2024.

4. Tarikh Tutup Promosi

Tarikh tutup undian pada 30 September, jam 11.59 malam.

5. Pengenalan:

- a. Syarat-syarat penyertaan ini akan mengikat semua Pengundi yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Pengundi", "Anda"). Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk tunggal dan majmuk mengikut keadaan.
- b. Penganjur berhak mengikat budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Pengundi bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- c. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengiraan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Pengundi, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

6. Kaedah Penyertaan:

Langganan Akhbar Cetak & Digital BH – Pakej Individu

- a. Pengundian gandaan bermaksud jumlah undian berganda mengikut Jadual 1 Langganan BH Digital Individu dibawah. Gandaan undian berfungsi untuk membantu meningkatkan mata undian bagi artis-artis yang tersenarai dalam ABPBH 36.

Tawaran Pakej	Pakej Langganan	Harga	Jumlah Mata Undian
Digital	1 Bulan	RM 19.00	1,520
	3 Bulan	RM 49.00	3,920
	1 Tahun	RM 125.00	10,000
Akhbar Media Cetak	5 copies	RM 10.00	800
	20 copies	RM 40.00	3,200
	100 copies	RM 200.00	16,000

***Setiap pakej media cetak yang di langgan bagi penyertaan undian pukal akan diagihkan ke lokasi terpilih dalam program ABPBH 36.

Jadual 1 Langganan Akhbar BH Individu (Undian Pukal)

6.1 Untuk menyertai Pengundian Gandaan ABPBH 36, Pengundi hendaklah melanggan BH Digital di portal langganan <http://subscription.nstp.com.my>.

6.2 Setiap pembelian langganan Akhbar BH akan disahkan melalui e-mel daripada Penganjur kepada Pengundi.

6.3 Setiap pengesahan e-mel membolehkan Pengundi mendapat mata undian gandaan ABPBH 36 untuk **menggandakan undi dengan gandaan yang terpilih (berdasarkan pakej yang dibeli) bagi calon yang dipilih.**

6.4 Pengundi boleh membeli lebih daripada satu langganan Pakej Akhbar BH dan menambah gandaan mata undian ABPBH 36.

6.5 Walau bagaimanapun, jika Pengundi memiliki lebih daripada satu langganan Akhbar BH, Pengundi boleh terus mengundi menggunakan e-mel yang sama.

6.6 Setelah selesai melanggan Akhbar BH, Pengundian boleh dibuat di www.abpbh.com.my.

6.7 Harga pakej adalah termasuk SST 8%. SST 8% akan diserap untuk memudahkan proses jualan.

6.8 Langganan digital 1 Tahun ialah RM125.00 termasuk SST 8%.

6.9 Perbezaan harga/bilangan undi dalam digital & cetakan adalah untuk menarik perhatian pelanggan & kuasa beli.

6.10 Nisbah 80 undian untuk setiap RM 1.00 bagi Langganan Digital Individu.

6.11 Nisbah 160 undian untuk setiap salinan bagi Langganan Cetakan Individu.

6.12 Salinan Cetakan Pembelian akan dikira setiap minggu dan dihantar ke kawasan terpilih.

6.13 Pakej jualan ini disasarkan kepada individu / peminat.

6.14 Setiap pakej media cetak yang di langgan bagi penyertaan undian pukal akan diagihkan ke lokasi terpilih dalam program ABPBH 36.

- a) Untuk mengundi, Pengundi mesti mengisikan e-mel sama seperti yang didaftarkan semasa melanggan Akhbar BH dibuat.
- b) Gandaan mata undian ABPBH 36 adalah tetap dan tidak boleh dipindah milik atau dikongsi dengan orang lain.
- c) Setiap undian yang telah dibuat adalah muktamad, tidak boleh diubah sama sekali. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

Jadual 2 Langganan Akhbar BH Digital / Media Cetak - Pakej Pukal

- Bagi pembelian langganan BH Digital pukal mestilah melalui pegawai jualan pihak Penganjur.
- Untuk menyertai pengundian gandaan pukal ABPBH 36, Pengundi hendaklah menghubungi En Kaifi di talian 010 8055011 atau e-melkan ke subscribe@nstp.com.my untuk melanggan.
- Pegawai Khidmat Pelanggan beroperasi dari hari Isnin – Jumaat, jam 9:00 pagi – 6:00 petang.
- Jadual 2 di bawah menunjukkan pakej langganan BH Digital secara pukal:

PAKEJ PUKAL AKHBAR DIGITAL

PAKEJ	JUMLAH HARGA LANGGANAN PUKAL	JUMLAH ID LANGGANAN	JUMLAH MATA UNDIAN
A	RM7,500	60 ID	600,000
B	RM15,000	120 ID	1,200,000
C	RM18,750	150 ID	1,500,000

- *IDs* adalah alamat e-mel yang diperlukan bagi mengaktifkan akses langganan BH Digital, juga mengesahkan langganan BH Digital.
- Setiap pembelian pukal bersamaan langganan setahun BH Digital.
- Setiap ID bersamaan dengan 10,000 jumlah undian.
- Kod promo akan disediakan dalam masa 24 jam selepas bukti pembayaran telah diterima.
- Setiap kod promo yang dimasukkan memerlukan alamat e-mel yang berbeza.
- Pengundi mesti mengaktifkan langganan BH Digital sebelum membuat pengundian. Sekiranya kod promo tidak diaktifkan, pengundi tidak boleh meneruskan proses pengundian.
- Setiap pengaktifan langganan BH Digital akan disahkan melalui salinan e-mel dari pihak Penganjur kepada Pengundi.
- Setiap pengesahan e-mel membolehkan Pengundi mendapat mata undian gandaan ABPBH 35 untuk menggandakan undi dengan gandaan yang terpilih (berdasarkan pakej yang dibeli) bagi calon yang dipilih.

- Setiap pakej media cetak yang di langgan bagi penyertaan undian pukal akan diagihkan ke lokasi terpilih dalam program ABPBH 36.
- Gandaan mata undian ABPBH 36 adalah tetap dan tidak boleh dipindah milik atau dikongsi dengan orang lain.
- Setiap undian yang telah dibuat adalah muktamad, tidak boleh diubah sama sekali. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

PAKEJ PUKAL AKHBAR MEDIA CETAK


PAKEJ	JUMLAH HARGA LANGGANAN PUKAL	JUMLAH LANGGANAN	JUMLAH MATA UNDIAN
A	RM7,500	3750	600,000
B	RM15,000	7500	1,200,000
C	RM18,750	9375	1,500,000

- Setiap langganan bersamaan dengan 160 jumlah undian.
- Kod promo akan disediakan dalam masa 24 jam selepas bukti pembayaran telah diterima.
- Setiap kod promo yang dimasukkan memerlukan alamat e-mel yang berbeza.
- Setiap pakej media cetak yang di langgan bagi penyertaan undian pukal akan diagihkan ke lokasi terpilih dalam program ABPBH 36.
- Gandaan mata undian ABPBH 36 adalah tetap dan tidak boleh dipindah milik atau dikongsi dengan orang lain.
- Setiap undian yang telah dibuat adalah muktamad, tidak boleh diubah sama sekali. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- Harga pakej adalah termasuk SST 8%. SST 8% akan diserap untuk memudahkan proses jualan.
- Langganan digital 1 Tahun ialah RM125.00 termasuk SST 8%.
- Pakej Jualan Pukal ini adalah untuk meningkatkan bilangan pembaca digital dan media cetak.
- Pembelian Salinan Cetakan akan dikira setiap minggu dan dihantar ke lokasi terpilih.
- Pakej jualan ini disasarkan kepada individu / peminat.

7. Kategori Extra

Setiap undian pukal bagi kategori Ekstra! dapat dilakukan melalui langganan akhbar media cetak dan digital seperti di atas atau pakej langganan TONTON seperti dibawah:

Proses Undian Kategori Ekstra! ABPBH36



8. Penyertaan Promosi

- a. Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Pengundi dianggap telah faham dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- b. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Pengundi semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Pengundi.
- c. Bukti pembayaran pembelian langganan BH Digital dan penghantaran penyertaan bukan bukti langganan dan pengundian ABPBH 36, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan lewat, hilang, rosak dan/atau penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian komunikasi, sistem komputer dalam talian, pembekal atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan emel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

9. Kelayakan:

Promosi ini terbuka kepada semua yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.

10. Ketidaklayakan

Kumpulan individu di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- a. Kakitangan The New Straits Times Press (NSTP) dan Kumpulan Media Prima Berhad (MPB), syarikat penaja, penganjur ABPBH 35 dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka)

11. Perlucutan Kelayakan

Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- b. penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- c. menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan, pemfitnahan, membuat tuduhan tidak berasas atau perdayaan; dan/atau
- d. tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

12. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Pengundi termasuk tanpa terhad kepada gambar, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama Pengundi, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi dari Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pengundi hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

13. Hak Milik Intelektual

Pengundi bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan dan/atau dibuat oleh Pengundi berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan

menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubahsuai mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan dan/atau dibuat oleh Pengundi dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Pengundi dan Pengundi mengetepikan segala haknya ke atas mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan dan/atau dibuat oleh Pengundi.

14. Indemniti

Setiap Pengundi bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“NSTP dan Kumpulan Syarikat Media Prima Berhad”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Pengundi dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana penyertaan Pengundi dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat.

15. Had Liabiliti

- e. Penyertaan Pengundi dalam Promosi adalah atas risiko Pengundi sendiri.

f. Penganjur, NSTP dan Kumpulan Syarikat Media Prima Berhad, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Pengundi berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Pengundi yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Pengundi dalam Promosi.

16. Am

a. Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Pengundi dalam apa cara sekalipun.

b. Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik Penganjur.

c. Pengundi tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

d. Ketaksahan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan penguatkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.

e. Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

17. Notis Privasi

g. Dengan menyertai Promosi ini, Pengundi telah membenarkan Penganjur untuk memproses maklumat peribadi Pengundi yang dikemukakan dalam penyertaan Promosi bagi tujuan Promosi. Ini termasuk mendedahkan nama Pengundi kepada masyarakat umum apabila Pengundi menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi Pengundi tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

h. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi Pengundi bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan Pengundi pada borang sekiranya Pengundi bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi Pengundi bagi tujuan ini.

i. Sekiranya Pengundi bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang Pengundi berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, Pengundi mengakui bahawa Pengundi telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

j. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi Pengundi. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi Pengundi dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi <https://www.mediaprima.com.my/personal-data-protection-notice/>

k. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi Pengundi untuk memproses penyertaan Pengundi dalam Promosi dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses undian Pengundi.

l. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di <https://www.mediaprima.com.my/personal-data-protection-notice/>. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.